

Kampung sering banjir di Johor dipindah

Bm 4/2

Oleh Abdul Razak Raaff
dan Johan Afandi

KOTA TINGGI: Penduduk kampung dan taman perumahan di tebing sungai yang kerap dilanda banjir di Johor akan dipindahkan ke penempatan baru lebih selamat, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sebuah daripada kampung di Kota Tinggi yang akan dipindahkan kerana berisiko tinggi adalah Kampung Tembiah yang terletak di tebing Sungai Johor.

Kampung Tembiah yang mempunyai 78 rumah adalah antara

“*Kita minta kerajaan negeri kemukakan cadangan kawasan perumahan dan perkampungan yang perlu dipindah ke tempat lebih selamat”*

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

kampung paling teruk dilanda banjir baru-baru ini, dengan enam rumah penduduk musnah akibat dihanyutkan arus deras Sungai Johor yang melimpah.

Najib berkata, selepas penduduk dipindahkan, Kerajaan Pusat dengan persetujuan kerajaan negeri bercadang menjadikan kampung berkenaan sebagai taman rekreasi.

Katanya, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, akan diminta mengemukakan pelan perancangan kerajaan negeri mengenai kaedah melaksanakan pemindahan penduduk di kampung dan taman perumahan yang di-

kenal pasti itu.

"Setiap kali banjir, penduduk kampung terpaksa menanggung kerugian dan ada yang rumah mereka rosak serta musnah. Kita minta kerajaan negeri kemukakan cadangan kawasan perumahan dan perkampungan yang perlu dipindahkan ke tempat lebih tinggi dan selamat.

"Secara prinsipnya kita akan beri bantuan tertentu (kepada kerajaan negeri) tetapi jumlah terperinci akan kita putuskan bila kerajaan negeri sudah bersedia dengan cadangan mereka," katanya pada sidang media selepas menyampaikan bantuan wang ihsan

peralatan rumah rosak RM500 kepada mangsa banjir di Dewan Jubli Intan, di sini semalam.

Hadir sama, Abdul Ghani dan Ahli Parlimen Kota Tinggi yang juga Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Kira-kira 7,500 keluarga mangsa banjir yang berdaftar di 40 pusat pemindahan banjir di daerah ini menerima bantuan wang ihsan RM500 bermula semalam.

Sebelum itu, beliau melawat Kampung Tembiah, Kampung Kelantan dan Kampung Panti yang terjejas teruk dilanda gelombang banjir pertama dan kedua pada Disember dan Januari lalu.